

10 SEP 1996

PM HARAP SEBAHAGIAN BESAR DAGANGAN GUNA PELABUHAN KLANG

PULAU INDAH (Pelabuhan Klang), 10 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap sebahagian besar daripada dagangan negara akan menggunakan Pelabuhan Klang untuk penghantaran dan penerimaan kargo.

"Semua jabatan dan kakitangan kerajaan dikehendaki membantu usaha ini. Ini adalah satu tugas nasional," katanya di upacara pembukaan rasmi Pelabuhan Barat atau Westport di Pelabuhan Klang di sini, hari ini.

Beliau juga berkata kerajaan akan memberi bantuan sepenuhnya kepada pengusaha pelabuhan, fret dan insurans, katanya tanpa memberitahu bentuk bantuan yang dirangka.

Dr Mahathir juga menasihati negeri lain untuk tidak bersaing dengan Pelabuhan Klang. "Tidak syak lagi bahawa Selangor akan memperolehi banyak manfaat dengan adanya pelabuhan besar ini."

Pelabuhan Barat, yang kini mempunyai 11 dermaga sedang beroperasi, adalah pelabuhan ketiga di Pelabuhan Klang selepas Pelabuhan Selatan dan Pelabuhan Utara.

Dr Mahathir berkata beliau yakin dengan pengawasan yang baik, Pelabuhan Barat akan menandingi Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan, tetapi menambah: "Westport, North Port dan South Port hendaklah bekerjasama apabila perlu".

"Persaingan adalah baik tetapi persaingan yang tidak diasaskan kepada kewarasan perniagaan, yang hanya tertumpu kepada kesetiaan dan ingin menang adalah tidak sihat".

Beliau berkata semua bahagian pelabuhan di Pelabuhan Klang adalah sebahagian daripada Pelabuhan Kebangsaan Utama Negara dan yang perlu diutamakan ialah negara dan bukan semata-mata syarikat atau pelabuhan masing-masing.

"Mungkin sukar bagi syarikat masing-masing mengorbankan keuntungan kerana ingin menjayakan negara. Ini tidak dikehendaki. Yang dikehendaki ialah penolakan sikap yang sanggup rugi hanya kerana ingin menang atau fanatik dengan syarikat sendiri.

"Jika sekali sekala anda bertolak ansur dengan pesaing anda, dalam jangka masa panjang ia akan memberi faedah kepada anda dan memberi faedah kepada negara. Apa jua faedah yang diperolehi negara akan akhirnya memberi faedah kepada anda," katanya.

Dr Mahathir juga berkata penggunaan pelabuhan kebangsaan adalah perlu bagi memperbetulkan defisit dalam akaun perkhidmatan.

Sebelum ini, ketiadaan satu pelabuhan antarabangsa yang besar di Malaysia menyebabkan kebanyakan daripada barangan Malaysia dieksport melalui pelabuhan di negara lain dan ini menambahkan defisit.

"Tidak ada cara untuk mengurangkan defisit selagi Malaysia tidak mempunyai pelabuhan yang dapat menarik kapal-kapal besar.

"Pertumbuhan dagangan Malaysia hanya menambahkan defisit dalam akaun perkhidmatan sehingga seolah-olah defisit ini tidak mungkin diatasi pada bila-bila masa pun," katanya.

Beliau juga berkata pelabuhan-pelabuhan di Malaysia perlu dilengkapi dengan segala peralatan moden dan penggunaan sistem maklumat yang mempercepatkan pengurusan kapal dan barangan yang di punggah.

Beliau juga menggesa jabatan-jabatan kerajaan seperti Kastam dan Imigresen supaya memberi kerjasama yang erat supaya urusan pelabuhan tidak tertangguh.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan telah bersetuju untuk menjadikan kawasan pelabuhan sebagai kawasan bebas cukai dan dengan ini Pelabuhan Klang boleh menjadi pelabuhan antarabangsa atau entrepot.

Pengurusan Pelabuhan Klang juga hendaklah memasarkan perkhidmatannya secara agresif ke seluruh dunia, terutama kepada pelabuhan-pelabuhan kecil di negara jiran.

Usaha-usaha juga perlu dibuat oleh pengurusan Pelabuhan Klang dan agen-agen perkapalan dan syarikat pembuatan besar di Malaysia untuk menggunakan Pelabuhan Klang.

Jika terdapat banyak barangan di Pelabuhan Klang, banyak kapal antarabangsa akan berlabuh di Pelabuhan Klang dan ini memajukan industri sampingan yang terlibat dengan penghantaran dan pemasaran barangan, terutama industri insurans.

"Jika industri insurans dan urusan CIF (kos fret) dan FOB (percuma atas kapal) dibuat secara yang boleh menguntungkan kita, iaitu CIF semasa eksport dan FOB semasa import, kita mungkin dapat mengurangkan defisit akaun perkhidmatan kita," kata Dr Mahathir.

Mengenai prospek Pelabuhan Barat, beliau berkata potensinya amat besar dengan mampu mengadakan dermaga sepanjang enam kilometer.

"Tidak syak lagi jika pengurusannya cekap, Westport boleh menjadi antara pelabuhan yang terbesar di Asia Tenggara," katanya. -- BERNAMA

JR SIA